

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN KHAMIS 4 APRIL 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	BENIH PADI HARAM ANCAM NEGARA, DALAM NEGERI, UM -3 MENTERI BERI AMARAN TERAKHIR, DALAM NEGERI, UM -3 JAWATANKUASA PILIH PEMBEKAL BENIH PADI, SETEMPAT, HM -33 JAWATANKUASA KHAS NILAI PRESTASI 9 PEMBEKAL BENIH PADI, ISU, BH -14 JAWATANKUASA KHAS KAJI PRESTASI, KUALA SELANGOR, TANJUNG KARANG, SH -33 JAWATANKUASA KHAS KAJI PRESTASI, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -36 AGRICULTURE MINISTRY GIVES LAST WARNING TO PRODUCER FOR ILLEGAL PROVISION OF SEEDS FOR RICE, NATION, CHINA PRESS -A10 TASK FORCE TO ASSESS PERFORMANCE OF COMPANIES TASKED TO SUPPLY PADI SEEDLINGS, BORNEO POST -ONLINE TASK FORCE TO ASSESS PERFORMANCE OF COMPANIES TASKED TO SUPPLY PADI SEEDLINGS, NEWS, BORNEO POST ONLINE -6	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10. 11.	CEROBOH PERAIRAN NEGARA, TENGAH, SH -17 FRESH GRADUATE JUMPS INTO AQUACULTURE BUSINESS, BUSINESS, BORNEO POST (KK) -A8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	INOVASI PARAMOTOR MURAH, SETEMPAT, HM -8	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13.	TANAMAN, NEGARA, KOSMO -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14.	BANTU PETANI HADAPI MUSIM KEMARAU, NEGERI, HARAKAH -N14	LEMBAGA PENGAIRAN KEMUBU (KADA)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	DURIAN TARIK PELANCONG, DALAM NEGERI, UM -8 'EXPORT WON'T HIT DURIAN PRICES', NATION, STAR -17 CHINA SENDS CUSTOM OFFICERS TO INSPECT FROZEN DURIAN IN SHELLS, NATION, CHINA PRESS -A6 SIM: GACC VISITING MALAYSIA ON APRIL 21, NATION, KWONG WAH YIT POH -A15 5 CONDITIONS TO MEET TO EXPORT FROZEN DURIANS TO CHINA, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A10 CHINA TO SEND OUT OFFICERS FOR INSPECTION OVER FRESH DURIANS EXPORT ON APRIL 21, NEWS, GUANG MING DAILY -A9 SIM: CHINA OFFICERS WILL INSPECT LOCAL PRODUCT BEFORE FRESH DURIAN EXPORTING TO CHINA, NATION, SIN CHEW DAILY -9 67 DURIAN ORCHARDS REGISTERED FOR VISIT BY GACC, HOME, BORNEO POST (KK) -8 MACC REMANDS SALAHUDDIN'S POLITICAL SECRETARY FOR FOUR DAYS, THE EDGE MARKETS -ONLINE KETAGIH RENTAPAN SOTONG, SETEMPAT, HM -28 PERTANIAN BANDAR PELUANG BUAT GOLONGAN MUDA, FOKUS, HARAKAH -F7	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Benih padi haramancam negara

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 APRIL

NEGARA bakal mengalami kemerosotan bekalan beras tempatan berikutan ramai penanam padi di seluruh negara dikesan semakin cenderung menggunakan benih tidak sah yang tidak terjamin hasil pengeluarannya.

Lebih membimbangkan, penggunaan benih 'haram' yang tidak menepati piawaian di bawah standard Jabatan Pertanian itu amat berisiko khususnya dalam aspek pengawalan penyakit termasuk menjejaskan tanaman padi pengguna lain.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali berkata, masalah tersebut

berpunca daripada tahap kesedaran dalam kalangan petani padi tempatan amat rendah berhubung kepentingan penanaman menggunakan benih sah.

"Antara faktor lain mereka memilih untuk menggunakan benih padi tidak sah ini adalah kerana faktor harga dan kononnya mahu menjimatkan kos operasi.

"Namun, mereka tidak tahu kesan sebaliknya sekiranya menggunakan benih padi tidak sah, pertumbuhan pokok tidak seragam dan paling merugikan benih berkenaan akan menghasilkan padi angin (padi yang gugur sebelum tempoh matang.

"Jika ini berterusan, tidak

mustahil ia akan menjejaskan jumlah pengeluaran dan produktiviti beras negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut impak terhadap penggunaan benih padi tidak sah, Jamal Harizan menjelaskan, secara pasti petani itu akan mengalami kerugian besar.

"Bayangkan tanam berhektar-hektar, tetapi yang keluar padi angin apa yang mereka boleh jual.

"Bukan itu sahaja, belum lagi menyentuh soal penyakit di mana benih tidak sah ini amat berpotensi tinggi menerima ancaman sehinggakan penggunaan racun kimia juga tidak memberi kesan.

"Malah penyakit daripada penggunaan benih tidak sah ini turut memberi ancaman kepada penanam lain sekali gus

penyakit ini tersebar di banyak kawasan seluruh negara," katanya.

Sehubungan itu, Jamal Harizan menegaskan, sebab itu, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian amat menekankan dan menyeru kepada petani tempatan agar menggunakan benih padi sah kerana ia lebih selamat dan terjamin.

"Ada banyak varieti benih sah MR297, MR263, MR269 dan MR219, semua ini diperakui selamat, berkualiti dan terjamin yang berdaftar serta dikawal pengeluarannya mengikut prosedur Skim Pengesahan Benih Padi.

"Semua sampel benih padi sah ini melalui sampel ujian mengikut Garis Panduan Ujian Biji Berik: ditetapkan Persatuan Ujian Benih Antarabangsa," ujarnya.



SALAHUDDIN AYUB menunjukkan isyarat bagus sempena pelancaran kempen penggunaan benih padi sah di Pusat Pertanian Sungai Burong, Tanjung Karang, Selangor, semalam. Turut hadir Exco Pertanian Selangor, Ir. Izham Hashim (dua, kiri) dan Jamal Harizan Yang Razali (kanan). - BERNAMA

Menteri beri amaran terakhir

TANJUNG KARANG 3 April - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menafikan wujud aktiviti pembekalan benih padi tidak sah dalam kalangan syarikat swasta dilantik kerajaan demi mengaut keuntungan mudah.

Difahamkan, pihak terlibat akan menggunakan pek guni kerajaan yang sah dengan memasukkan benih 'haram' bagi menggaburi perbuatan mereka sebelum ia dijual kepada pesawah.

Mereka berbuat demikian memandangkan harga benih tidak sah lebih murah sekali gus membolehkan kelompok terabit mengaut keuntungan lebih dengan menjual pada harga sedua ada meskipun kerajaan su-

dah memberi separuh subsidi bagi setiap guni benih yang dijual kepada petani.

Sehubungan itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sambil melancarkan amaran keras menegaskan akan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti dan menyiasat berhubung perkara tersebut.

"Ada kes, tetapi saya tidak mahu menuduh, biar ada siasatan adil dan bebas. Namun isu itu memang ada.

"Saya akan teliti laporan dan kena adil, beri peluang mereka perelaskan isu berbangkit," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat

Kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong di sini hari ini.

Terdahulu, ketika berucap Salahuddin turut memberi amaran terakhir kepada syarikat terabit supaya menghentikan aktiviti terabit dan berkemungkinan akan mengembalikan semula kerja pembekalan benih padi kepada Jabatan Pertanian sepenuhnya.

"Saya beri amaran terakhir, tetapi saya tidak mahu berlaku zalim, saya akan beri masa kepada mereka sebelum saya memuktamadkan keputusan ini.

"Kita tidak mahu ada penipuan dan penyalahgunaan kerana kita tidak boleh kompromi dengan soal mutu dan kualiti kerana ia beri kesan langsung kepada petani," tegasnya.

Dalam pada itu, ditanya sama ada wujud pihak luar yang turut terlibat membekalkan benih tidak sah, Salahuddin memberitahu, memang wujud golongan terabit yang mengambil kesempatan dan licik memanipulasi keadaan.

"Ada juga, mereka ini pandai manipulasi dengan membuat kempen palsu dengan mendakwa negara kekurangan benih dan sebagainya.

"Mereka ini tekan butang panik, dan kemudian pesawah yang tidak mendapat informasi tepat akan membelinya," jelasnya.

Tambah Salahuddin, buat masa ini terdapat sembilan syarikat yang dilantik bagi membekalkan benih padi sah kepada pesawah seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	33

Jawatankuasa pilih pembekal benih padi

Tanjong Karang: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membuat kajian terperinci mengenai prestasi sembilan syarikat yang membekalkan benih padi.

Ia berikutan isu penggunaan benih padi tidak sah masih berlaku di negara ini sehingga merugikan pengusaha sawah padi.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, isu penggunaan benih tidak sah berlaku sejak berdekad lama walaupun kempen penggunaan benih padi sah diadakan setiap tahun.

"Isu ini perlu diletakkan titik noktah dan saya tidak mahu lagi merasmikan kempen ini tahun depan.

"Justeru, satu jawatankuasa khas akan segera ditubuhkan untuk membuat kajian mengenai sembilan syarikat berkaitan supaya isu mutu serta kualiti benih padi tidak lagi berlaku.

"Dalam beberapa sesi dialog bersama pesawah, saya dapat simpulkan bahawa rata-rata mereka ingin pembekal utama benih padi ini dikembalikan kepada Jabatan Pertanian kerana mereka lebih berpuas hati dengan kualiti benih yang dibekalkan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah di Sungai Burong, di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya tidak mahu berlaku tidak adil



SALAHUDDIN (tiga dari kanan) selepas merasmikan Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong, Tanjong Karang.

kepada sembilan syarikat itu dan meminta diberikan masa untuk jawatankuasa khas terbabit membuat siasatan terperinci.

"Terdapat juga kes pembekalan benih padi tidak sah oleh syarikat pembekal namun saya tidak mahu menuding kepada sesiapa sebaliknya memberi peluang supaya siasatan bebas dan adil dapat dibuat.

"Saya perlu beri peluang

kepada mereka untuk menjelaskannya. Namun kami tidak boleh berkompromi mengenai kualiti benih padi yang dibekalkan kepada pesawah.

"Apa yang diberitahu pesawah dalam sesi dialog adalah testimoni yang benar terutama mengenai kualiti benih padi," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin jawatankuasa khas itu akan memberi maklumat lengkap mengenai prestasi syarikat terbabit dan tinda-

kan lanjut diambil selepas laporan terperinci diperoleh.

"Kontrak syarikat pembekal benih padi tamat hujung tahun ini dan diperbaharui setiap tiga tahun sekali," katanya.

Penggunaan benih padi yang tidak diperakui mengikut Skim Pengesahan Benih Padi Jabatan Pertanian boleh memberi kesan seperti penyebaran penyakit Hawa Bular Bakteria (BPB).

BPB adalah penyakit bawaan benih dan tanah yang baru sahaja muncul di Semenanjung dan boleh menyebabkan kehilangan hasil sehingga 75 peratus.

FAKTA

Isu penggunaan benih tidak sah berlaku sejak berabad lalu

Jawatankuasa khas nilai prestasi 9 pembekal benih padi

Tanjung Karang: Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Padi khusus untuk menilai prestasi sembilan syarikat pembekal benih padi di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata Jawatankuasa itu penting bagi memastikan kelangsungan industri padi negara, terutama berhubung mutu serta kualiti bekalan benih padi.

"Isu ini perlu diletakkan titik noktah. Kajian terperinci mengenai sembilan syarikat ini perlu dilakukan supaya isu berkaitan mutu serta kualiti benih padi tidak berlaku lagi.

"Dalam beberapa dialog saya bersama pesawah, saya dapat simpulkan bahawa rata-rata mereka inginkan peranan pembekal utama benih padi ini dikembalikan kepada Jabatan Pertanian," katanya selepas pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah peringkat kebangsaan di Sungai Burong, di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodalan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, pada masa ini pihaknya menyerahkan kepada Jawatankuasa khas yang akan ditubuhkan itu untuk menentukan sama ada syarikat pembekal padi mematuhi proses ditetapkan.

Kontrak tamat hujung tahun

"Kontrak syarikat pembekal benih padi akan tamat pada penghujung tahun ini dan akan diperbaharui setiap tiga tahun sekali. Kita tidak mahu berlaku zalim serta tidak adil kepada sembilan syarikat ini.

"Kita kena berikan masa untuk jawatankuasa khas ini membuat siasatan terperinci. Cuma apa yang ingin ditegaskan kita tidak boleh berkompromi mengenai kualiti benih padi yang dibekalkan kepada pesawah," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Jawatankuasa khas itu akan turut menyiasat dakwaan isu bekalan benih padi tidak sah oleh syarikat pembekal.

"Penggunaan benih padi yang tidak diperakui mengikut Skim Penghasilan Benih Padi (SPBP) Jabatan Pertanian boleh memberi kesan seperti penyebaran penyakit

[FOTO SARIEN NAFIS/BH]



Salahuddin melihat benih padi diperkuat dengan teknologi pemangkin pertahanan dalam pada Pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah, di Sungai Burong, Tanjung Karang, semalam.

Hawa Bulir Bakteria.

syarat dan prosedur yang ditetapkan dan mendapat perakuan petani matuan piawaian mutu yang ditentukan daripada aspek genetik, ketulen jenis, fizikal, tahap percambahan dan peratus kelembapan.

Dibiak daripada benih daftar

"Benih padi sah adalah kategori benih padi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian. Ia diibadikan daripada benih daftar mengikut

"Dari sudut nilai penanaman, benih padi sah adalah kategori benih yang tidak tercemar dengan bahan asing seperti rumpai, padi angin serta tidak dijangkiti oleh penyakit berbahaya," katanya.

4/4/2019

SINAR
HARIANKUALA SELANGOR,
TANJUNG KARANG

33

Jawatankuasa khas kaji prestasi

Kementerian mahu pastikan benih padi berkualiti

ARZIANA MOHAMAD AZAMAN

TANJUNG KARANG

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji semula prestasi sembilan syarikat yang dipertanggungjawabkan membekalkan benih padi sah di negara ini. Menteriya, Datuk Salahuddin Ayub menjelaskan, pihaknya akan memberi peluang dan masa kepada syarikat terbabit supaya membekalkan semula benih padi berkualiti kepada pesawah.

Tegasnya, kerajaan tidak akan berkompromi dengan syarikat itu supaya membekalkan benih padi berkualiti dan mengelakkan penyalahgunaan lesen untuk me-



Salahuddin (dua, kiri) ketika Majlis Pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong, semalam.

ngaut keuntungan semata-mata. "Perdekatan ini diambil selepas pertemuan bersama pesawah yang merungut dengan kualiti benih padi sedia ada dan mahu pembekalan diserahkan semula kepada jabatan pertanian.

"Mereka kata kualiti benih dibekalkan jabatan sebelum ini

Kita akan kaji isu ini dan saya minta pegawai yang bertanggungjawab memantau prestasi syarikat yang diberi lesen sejak 2010." - Salahuddin

kepada agensi di bawah kementerian tetapi perlu bersikap adil kepada semua pihak.

"Kita akan kaji isu ini dan saya minta pegawai yang bertanggungjawab memantau prestasi syarikat yang diberi lesen sejak 2010," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong, semalam.

Katanya, kempen itu akan dilaksanakan secara besar-besaran di peringkat negeri dan daerah bagi mengelakkan penggunaan benih tidak sah berleluasa.

"Tidak dinafikan ada syarikat yang membekal benih padi sah kurang berkualiti menyebabkan hasil terjejas dan penularan wabak penyakit. Itu kita akan kenal pasti untuk tindakan lanjut.

"Kementerian memandang serius perkara ini kerana pesawah adalah benteng pertahanan makanan negara dan jika masih tiada kesedaran, tidak mustahil akan menimbulkan isu besar," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kelewatan agihan bantuan baja dan racun kepada pesawah, Salahuddin mengakui perkara itu disebabkan peruntukan belanjawan sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, pihaknya memberi jaminan bahawa agihan itu akan mengikut jadual ditetapkan.

Pada masa sama kata Salahuddin, kementerian dengan kerjasama kerajaan negeri membekalkan teknologi baharu seperti drone dan aplikasi canggih bagi membantu meningkatkan hasil padi.

Headline	Jawatankuasa khas kaji prestasi		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	04 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	36	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 3,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,946



Jawatankuasa khas kaji prestasi

Kementerian mahu pastikan benih padi berkualiti

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

TANJONG KARANG

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji semula prestasi sembilan syarikat yang dipertanggungjawabkan membekalkan benih padi sah di negara ini.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub menjelaskan, pihaknya akan memberi peluang dan masa kepada syarikat terbabit supaya membekalkan semula benih padi berkualiti kepada pesawah.

Tegasnya, kerajaan tidak akan berkompromi dengan syarikat itu supaya membekalkan benih padi berkualiti dan mengelakkan penyalahgunaan lesen untuk me-



Salahuddin (dua, kiri) ketika Majlis Pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong, semalam.

ngaut keuntungan semata-mata.

"Pendekatan ini diambil selepas pertemuan bersama pesawah yang merungut dengan kualiti benih padi sedia ada dan mahu pembekalan diserahkan semula kepada jabatan pertanian.

"Mereka kata kualiti benih dibekalkan jabatan sebelum ini

lebih baik berbanding sekarang dan saya akan melihat perkara ini dengan lebih terperinci sebab tidak mahu isu sama berulang," katanya.

Ahli Parlimen Pulau itu menjelaskan, pihaknya juga tiada halangan untuk menyerahkan semula pembekalan benih padi sah

Kita akan kaji isu ini dan saya minta pegawai yang bertanggungjawab memantau prestasi syarikat yang diberi lesen sejak 2010." - Salahuddin

kepada agensi di bawah kementerian tetapi perlu bersikap adil kepada semua pihak.

"Kita akan kaji isu ini dan saya minta pegawai yang bertanggungjawab memantau prestasi syarikat yang diberi lesen sejak 2010," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertanian Sungai Burong, semalam.

Katanya, kempen itu akan dilaksanakan secara besar-besaran di peringkat negeri dan daerah bagi mengelakkan penggunaan benih tidak sah berleluasa.

"Tidak dinafikan ada syarikat yang membekal benih padi sah kurang berkualiti menyebabkan hasil terjejas dan penuluran wabak penyakit. Itu kita akan kenal pasti untuk tindakan lanjut.

"Kementerian memandang serius perkara ini kerana pesawah adalah benteng pertahanan makanan negara dan jika masih tiada kesedaran, tidak mustahil akan menimbulkan isu besar," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kelewatan agihan bantuan baja dan racun kepada pesawah, Salahuddin mengakui perkara itu disebabkan peruntukan belanjawan sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, pihaknya memberi jaminan bahawa agihan itu akan mengikut jadual ditetapkan.

Pada masa sama kata Salahuddin, kementerian dengan kerjasama kerajaan negeri membekalkan teknologi baharu seperti dron dan aplikasi canggih bagi membantu meningkatkan hasil padi.

Headline	Agriculture Ministry gives last warning to producer for illegal provision of seeds for rice		
MediaTitle	China Press		
Date	04 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	322 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,056



農部向生產商發最後通牒 勿非法供應稻農穀種

（丹絨加弄3日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁向政府委任的谷种生产商发出最后通牒，要求他们停止供应非法谷种给稻农牟利。

他说，政府将成立调查专案小组，调查9家谷种生产商，以采取更周详的对策，调查将会独立与公平的进行。

“这是政府对谷种生产商发出的最后一次警告，若事件再度发生，政府将把供应谷种的任务交由大马农业局负责。我们将从源头上杜绝不合格谷种的出现，因我们对品质的要求从不妥协。”

沙拉胡丁今早为使用合法谷种醒觉运动主持推介后，在记者会上如是指出。

他透露，全国有9家私人机构获得政府发出的谷种生产执照，为期3年。

“合约期满在即，政府冀谷种生产商在当局采取下一步行动前，停止供应非法谷种的行为，并促请各相关单位一起努力，加速终结非法谷种的问题。”

与会者有农基部副秘书长拿督沙林和掌管雪州基建、公共设施、先进农业及农基工业的雪州行政议员依占哈欣。

依占哈欣说，使用非法谷种将增加稻谷感染病菌的风险，如近期发生的细菌性穗枯病（BPP），导致稻米产量和稻农收益减少。



■解员的解说：左2为依占哈欣。
沙拉胡丁（左3）参观展摊时，认真聆听讲

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2019	BORNEO POST	ONLINE	

Task force to assess performance of companies tasked to supply padi seedlings



Salahuddin (centre) during his visit to the paddy field. — Bernama photo

TANJONG KARANG: The Agriculture and Agro-based Industry Ministry is setting up a task-force to assess the performance of companies appointed by the government to supply padi seedlings to farmers nationwide, as well as to look into the quality of the seedlings.

Its minister, Datuk Salahuddin Ayob said, the move is aimed at addressing problems faced by the farmers since 2010 on the use of unregistered padi seedlings.

"I do not want to point fingers at anyone. We will look into this through the assessment by the task force. If possible, we do not want the issue on unregistered padi seedlings to crop up again next year," he told reporters after launching a national-level campaign for farmers to use registered padi seedlings at the Sungai Burong Agriculture Centre here yesterday.

Salahuddin said from series of dialogues with padi farmers nationwide, it was found that the farmers wanted the right to supply padi seedlings to them to be returned to the Agriculture Department, as it had been doing until 2009.

A total of nine companies nationwide are appointed to supply padi seedlings to farmers for the period between 2017 and 2019, with the annual production target set by the government at 72,000 metric tonne for a padi farming area covering 284,000 hectare. — Bernama

Headline	Task force to assess performance of companies tasked to supply padi seedlings		
MediaTitle	Borneo Post Online(www.theborneopost.com)		
Date	04 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

Task force to assess performance of companies tasked to supply padi seedlings

TANJONG KARANG: The Agriculture and Agro-based Industry Ministry is setting up a task-force to assess the performance of companies appointed by the government to supply padi seedlings to farmers nationwide, as well as to look into the quality of the seedl...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Ceroboh perairan negara

**APMM tahan
tekong dan lima
awak-awak
Vietnam**

NIK AMIRUL MU'MIN BIN
NIK MIN

KUANTAN

Sebuah bot nelayan asing bersama tekong dan lima awak-awak warga Vietnam ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kerana menceroboh perairan negeri ini untuk menangkap ikan.

Bot terbabit ditahan kira-kira jam 5 petang semalam di lokasi kira-kira 68 batu nautika dari Ku-



Sebahagian nelayan asing yang diperiksa.

antan.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Muda Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, bot terbabit ditahan untuk pemeriksaan ketika sedang melakukan aktiviti menangkap ikan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas bot tersebut, pihaknya menemui dan merampas sotong basah yang dianggarkan seberat hampir 70 kilogram.

"Kita percaya hasil tangkapan itu diperole-



Bot nelayan ini disita untuk siasatan lanjut.

dalam perairan negeri ini dan dibawa keluar untuk dijual di negara asing dengan harga yang lebih tinggi.

"Nilai rampasan termasuk bot dianggarkan hampir RM 500,000," katanya.

Zulkarnain berkata, bot bersama semua tujuh nelayan warga Vietnam berusia antara 24 hingga 54 tahun ditahan dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat di bawah

Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.

Menurutnya, sehingga hari ini, Maritim Negeri Pahang melakukan 315 pemeriksaan dan 12 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan.

"Orang ramai disaran memberi kerjasama dan bersama-sama membantu menangani sebarang aduan kesalahan atau jenayah di perairan negara dengan menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang di talian 09-5717345," katanya.

Headline	Fresh graduate jumps into aquaculture business		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Business	Circulation	18,290
Page No	A8	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 485
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,455



Fresh graduate jumps into aquaculture business

LABUAN: His family had high hopes for Melvin Teo, who recently graduated in civil engineering from Universiti Malaysia Sabah (UMS) to become an engineer, but he chose to venture into aquaculture business and currently earns more than RM16,000 a month.

Although his clothes are always wet and stinky, the 27-year-old is more than comfortable to expand his father's TLG Maju Enterprise anchovies business and even started a catfish ponds in Kampung Belukut near here.

Early in the morning, he and nine other workers began the grading process of the anchovies according to size to be packed. Next, he went to the catfish ponds to check his farmed fish.

Last December, he initiated the catfish pond with 3,500 fingerlings supplied by the Labuan Fisheries Department and started harvest-

ing the first yield last February with an average income of between RM1,300 and RM1,500 a month, despite being marketed only within Labuan.

"For the time being, the catfish is supplied to three restaurants operated by entrepreneurs from Peninsular Malaysia, as catfish dishes are among the favourite dishes of the Peninsular people," he said.

Meanwhile, Saiyidatul Syahirah Jasney who graduated in Hotel Management and Catering from Politeknik Kota Kinabalu also did not pursue a career in the field of hospitality but aspired to venture into food processing business.

"Upon graduation in 2012, my deep interest in business helped me to experiment producing my own chilli sambal recipe using anchovies, kekek fish and salted fish," she said when met at her factory

in Kampung Bebuloh Laut.

From an initial capital of RM50, she produced three types of sambals which received very good response beyond her expectations and since then she intensified the sambal production and expanded its marketing through the social media platform.

The Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) helps her by providing a processing machine, and after two years the company named Mezra Femes Enterprise has successfully penetrated the market of Peninsular Malaysia, Brunei and Singapore.

She is now comfortable with a monthly income of more than RM10,000 from her chilli side dishes, namely Sambal Lado Travel, Sambal Penyet Travel and Sambal Ikan Kekek while another product, Sambal Ikan Masin will be marketed soon. - Bernama



Sesi latihan sukan paramotor sesi latihan yang diadakan dekat R&R Bagan Ajam, Butterworth.

Inovasi paramotor murah

■ Pesara pembantu jurutera cipta set penerbangan mampu milik

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Demi melonjakkan aktiviti sukan udara, seorang pesara melakukan inovasi hingga terhasilnya set peralatan paramotor ciptaannya sendiri bagi membolehkan peminat sukan itu mampu memilikinya dengan harga jauh lebih rendah.

Ghazali Johari, 61, yang dahulunya bekerja sebagai pembantu jurutera di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mempunyai minat dalam hal berkaitan mesin hingga mempunyai bengkel membaik pulih di rumahnya dekat Kepala Batas.

Menurutnya, selepas bersara enam tahun lalu, dia dibawa mengenali sukan paramotor hingga mencetuskan idea untuk inovasi alatan penerbangan berkenaan.

"Semua sedia maklum bahawa sukan paramotor ini bukan murah dan untuk memiliki set penerbangan hingga ada membelanjakan



wang lebih RM30,000.

"Melalui inovasi dilakukan, saya membeli enjin dari Itali termasuk beberapa komponen dari luar negara kemudian saya mereka bentuk sendiri set paramotor hingga harganya boleh dikurangkan, sekali gus meringankan perbelanjaan peminat sukan ini yang mahu memilikinya," katanya ketika ditemui ketika mengadakan sesi latihan paragliding di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Bagan Ajam di sini, semalam.

Menurutnya, set peralatan paramotor dihasilkannya boleh dijual antara harga RM15,000 ke RM16,000 saja.

Katanya, seseorang yang mahu berkecimpung dalam sukan paramotor perlu menjalani latihan asas dengan mengetahui cara untuk mengawal payung sebelum dibawa ke kawasan pener-

“Saya membeli enjin dari Itali termasuk beberapa komponen dari luar negara”

Ghazali Johari

bangian sebenar.

"Asas perlu ada sama seperti sukan paragliding yang mana paramotor juga asalnya daripada sukan itu cuma bezanya ia memiliki enjin untuk menerbangkan payung.

"Berikutan itu, peminat sukan ini kerap mengadakan latihan bersama bagi membolehkan sesiapa yang berminat mempelajarinya, sekali gus menguasai penerbangan tidak kira paragliding atau paramotor," katanya.

Ghazali berkata, dia menyedari sesi latihan yang diadakan dekat R&R serta di kawasan lain di utara kerap dikunjungi golongan pelajar yang berminat ke arah sukan udara itu namun mereka berdepan kekangan kewangan memandangkan harganya agak mahal.

"Oleh itu, kita mengambil peluang mendedahkan su-

kan ini dengan mengalu-alukan mereka yang berminat untuk mempelajari latihan dengan kadar bayaaran berpatutan disamping dapat menjadikannya satu aktiviti riadah," katanya.

Jelasnya, sesi latihan mengawal dan mengendalikan payung diadakan pada setiap hari jam 3 petang sebelum peserta dibawa ke kawasan penerbangan sebenar pada hari minggu apabila sudah mahir.

Sementara itu, juruteknik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Mohd Fuad Mohd Yusoff, 41, teruja apabila dapat mempelajari sukan udara berkenaan.

"Dalam TUDM, saya sebelum ini hanya pernah mencuba penerbangan payung statik dan selepas melihat ada sukan udara seperti paramotor ini menimbulkan minat saya untuk belajar.

"Pada mulanya saya agak takut juga kerana paramotor ini satu sukan udara yang terbang bebas tetapi apabila berada di atas, perasaan itu sebenarnya terus hilang dan ia memberi keterujaan kepada saya yang baru saja belajar mengenai sukan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2019	KOSMO	NEGARA	4



TANAMAN

PENGERUSI Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Ishak Ismail (dua dari kiri) bersama Pengarah FAMA Kelantan, Ariffin Awang (kiri) melihat hasil tuaian buah tembikai susu di ladang kontrak projek agrotourism Kampung Banggol, Kota Bahru semalam.

Bantu petani hadapi musim kemarau



Berdas diturunkan hujan di Kelantan.

PASIR PUTEH: Kesukaran petani ekoran kemarau yang berlaku sekarang turut mendapat perhatian kerajaan negeri.

Peruntukan lebih RM20,000 dibelanjakan bagi membantu petani di Dun Seling termasuk penanam padi.

Sumbangan berkenaan termasuk menyediakan 10 paum air, membina telaga tub dan saluran air ke kawasan pertanian.

Adun Seling, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bantuan berkenaan diberi bagi membantu penanam padi dan sayur-sayuran ekoran musim kemarau sekarang.

Katanya, antara kampung terlibat ialah Bukit Abal, Banir Belkong, Tasik Pauh, Tualang Tinggi, Wakaf Bunut dan Seling.

"Kerajaan negeri bersimpati terhadap nasib petani yang terpaksa berhadapan dengan musim kemarau.

"Sama-samalah kita berdoa semoga kemarau yang melanda negeri sekarang tidak berpanjangan dan

Allah permudahkan urusan kita," ujarnya di sini.

Beliau yang juga anggota Exco kerajaan negeri berkata, Majlis Tindakan Dun Seling baru-baru ini turut menganjurkan solat sunat Istisqa' selama dua minggu.

Katanya, kali pertama diadakan di Maahad Tahfiz al Qur'an Nurul Hidayah, Tualang Tinggi dan kedua berdekatan sawah padi di Kampong Gong Jering.

Bukit Bidang.

Sabtu lepas hujan lebat melanda banyak tempat di Kelantan termasuk Machang, Ketereh, Kota Bharu, Kuala Krai dan Gua Musang.

Malah di Gua Musang beberapa kampung mengalami banjir kilat. Paras Sungai Kelantan juga meningkat sekarang membolehkan rumah pam milik Lembaga Pengairan Kemubu (Kada) beroperasi bagi menyalurkan air ke sawah.



Adun Seling menyampaikan khutbah solat sunat Istisqa'.



Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama petani di Dun Seling.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

DURIAN TARIK PELANCONG

LIM LIP ENG (PH-KEPONG) bertanyakan mengenai isu-isu berkaitan eksport buah durian ke China?

TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, SIM TZE TZIN berkata, kementerian akan melakukan beberapa inisiatif bagi menjadikan buah durian sebagai tarikan pelancong ke negara ini. Tambahnya, langkah tersebut boleh memberi kesan ekonomi berantai kepada keseluruhan rakyat Malaysia seperti pekebun, penggiat sektor perkhidmatan teksi serta penginapan.

...determined through a valuation report by professionals. He said a letter of offer was mere-

ers in Hong Kong value HK\$1.6bil, and not RM1.6bil which Lim had earlier claimed. Following the shouting match,

tender, you will get a higher price. "That's the difference between a clean government that practices

who said that he had seen such a letter many times.

'Export won't hit durian prices'

Sim: Local produce value not affected by fruit sent to China

PRICES of durian in the local market will not go up drastically following the plan to export frozen whole durian to China.

Deputy Agriculture and Agro-based Industries Minister Sim Tze Tzin said Malaysians should not be too worried as the 67 farms selected to export the fruit involve only 464ha out of 72,464ha of durian orchards in the country.

"Besides this, only the Musang King variety has been earmarked for export," he said at Parliament lobby.

According to trade data from the United Nations, durian exports to China have been rising at 35% on average a year and were worth US\$1.1bil in 2017, up from just US\$243mil a decade ago.

While Malaysia previously exported only downstream durian products to China, the recent initiative by the government to export frozen whole fruit has created fear among locals that they might have to pay a higher price for the king of the fruit.

Earlier in his reply to Lim Lip Eng (DAP-Kepong) during Minister's Question Time, Sim said authorities from China would inspect durian orchards and their facilities soon.

He said the General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC) would need to ensure the orchards and facilities comply with its protocols.

Among them, he said, facility operators and orchard owners need to register with the Agriculture Department as the competent authority and obtain the Good Manufacturing Practices (GMP) certificate from the Health Ministry.

"Other protocols include good

agriculture practices, using integrated pest management and the durian must be frozen between -80°C and -110°C for at least one hour.

"The inspection for the first group is from April 21 to 27," he said.

Sim said a total of 67 farms had registered with the Agriculture

Department and 18 processing plants had applied GMP certificates.

"Only five plants received the GMP from the Health Ministry," he said.

Asked to comment on a company run by a senior civil servant that monopolises durian export to China, Sim said that was perhaps an

old practice by the previous government "to benefit certain cronies".

He said such practice would not be tolerated under the current Pakatan Harapan government.

"Whether Pakatan, Barisan Nasional or any parties, if they are orchard owners it is open to all," he said.



Fragrant fruit: Workers sorting durian at a durian export factory in Selangor.

Headline	China sends custom officers to inspect frozen durian in shells		
MediaTitle	China Press		
Date	04 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	164 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,235
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,705



中國海關派員來馬 審批冷凍帶殼榴槿

（吉隆坡3日讯）农业与农基工业部副部长沈志勤说，中国海关总署（GACC）官员将在本月21日至27日来马，审批首批申请出口冷冻带壳榴槿的榴槿园。

他说，截至目前为止，共有67名榴槿园主向该部申请出口冷冻整果榴槿至中国；一旦有关园主符合中国海关总署5项条件，才可出口冷冻带壳榴槿到中国。

沈志勤今早在国会下议院问答环节，如是回答行动党甲洞区国会议员林立迎的提问。

他指出，农业部目前也接获18个榴莲加工厂的申请，唯该部仅发出5个良好作业规范（GMP）国际认证，给其中5家加工厂。



■ 沈志勤

他说，该部目前希望推动国内榴槿旅游，吸引更多中港澳旅客前来吃榴槿与旅游，并藉由榴槿带动国内各种行业，让更多人民从中受惠，包括德士司机或电子召车。

Headline	Sim : GACC visiting Malaysia on April 21		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	04 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A15	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 766
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,297



沈志勤：审核冷冻整果榴梿厂 中国海关总署21日莅马

（吉隆坡 3 日讯）农业与农基工业部副部长沈志勤指出，中国海关总署（GACC）将于 4 月 21 日至 27 日前来大马，以审核及评估出口冷冻整果榴梿的榴梿园及加工中心。

他说，截至目前为止，共有 67 个榴梿园主向该部申请出口冷冻整果榴梿至中国。

他指出，相关园主的榴梿园必须符合中国海关总署的 5 项条件，才可出口冷冻整果榴梿至中国，这包括业者必须获得卫生部发出的良好作业规范认证（GMP）、农业部发出的优良农业认证（My Gap）、榴梿树下必须设网以免榴梿跌在地上等。

沈志勤今日在国会走廊召开记者会上如是表示。

另一方面，沈志勤也说，农业与农基工业部目前也接获 18 个榴梿加工厂的申请，惟该部仅发出 5 个良好作业规范认证给其中 5 家加工厂。

评估 5 良好作业规范加工厂

他指出，中国海关总署也将针对这 5 家获

得良好作业规范认证的加工厂进行审核及评估。

他呼吁国人无需过于担心榴梿出口而对榴梿价格造成的影响。

他续说，在 67 个占地 7 万 2464 公顷的榴梿园中，只有 30% 或 467 公顷是种植上等榴梿，不会影响榴梿价格。

他指出，一些棕油园也翻种成榴梿园，也有榴梿园主则将普通榴梿转种上等榴梿，因此他预计未来几年的榴梿产量会增加，所以不会影响榴梿价格。

冀推动国内榴梿旅游

另一方面，沈志勤也说，该部目前也希望推动国内榴梿旅游，以吸引更多中国、香港或澳门旅客前来吃榴梿与旅游，并借此希望能带动国内各种行业，让更多人民从中受惠，包括的士司机或电子召车行业。

他也呼吁业者也需自行主办活动来促销榴梿。#

Headline	5 conditions to meet to export frozen durians to China		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	04 Apr 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A10	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	218 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,549
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,647



对华出口带壳榴槤5条件

吉隆坡3日讯 | 农业与农基工业部副部长沈志勤指出，中国海关总署（GACC）将于4月21日至27日前来大马，以审核及评估已申请出口冷冻带壳榴槤的榴槤园。

他说，截至目前为止，共有67个榴槤园主向该部申请出口冷冻带壳榴槤至中国。

他指出，相关园主的榴槤园必须符合中国海关总署的5项条件，才可出口冷冻带壳榴槤至中国。

沈志勤今日在国会下议院问答环节，回答行动党甲洞区国

会议员林立迎的提问时，如是指出。

沈志勤表示，农业与农基工业部目前也接获18个榴槤加工厂的申请，惟该部仅发出5个良好作业规范（GMP）国际认证，给其中5家加工厂。

他指出，中国海关总署也将针对这5家获得良好作业规范（GMP）国际认证的加工厂进行审核及评估。

另外，他说，该部目前也希望推动国内榴槤旅游，以吸引更多中国、香港或澳门旅客前来吃榴槤与旅游，并借此希望能带动

国内各种行业，让更多人民从中受惠，包括德士司机或电子召车行业。

沈志勤保证，本地的榴槤价格不会因冷冻榴槤出口到中国而受到影响。

「我们榴槤园的总数是7万2464公顷，所以是相当大的。」

「我也相信有新的（榴槤）种植，就如棕油园会翻种成榴槤园，或者小农主增加种植榴槤的面积，或他们把本土榴槤改种成猫山王等等，这些过去这几年都在如火如荼地进行。」

「所以我预测以后有更多的榴槤来到市场。出口榴槤到中国并不会导致本地价格变得更贵，而是维持在一个稳定的价格。」

Headline	China to send out officers for inspection over fresh durians export on April 21		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	04 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A9	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	175 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,652
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,955



帶殼榴槿出口須符5條件 中21日派員檢測

(吉隆坡3日讯) 农业及农基工业部副部长沈志勤说, 第一批注册为出口冷冻带壳榴槿到中国的榴槿园供应商和冷冻处理厂分别有67家及5家, 这些业者必须经过中国海关总署于4月21至27日期间派员到我国进行检测及过关后, 才会获得批准出口。

他于今日在国会下议院口头问答环节回答甲洞区国会议员林立迎的提问时说, 根据我国与中国达成的协议, 冷

冻带壳榴槿出口到中国必须符合5个条件, 即榴槿园及冷冻处理公司必须向马来西亚农业部注册、冷冻设施业者必须获得卫生部发出的良好生产规范(GMP)认证、榴槿园需拥有良好农业作业及综合除虫管理认证、榴槿园必须设网, 避免榴槿收成时掉落地面触碰泥土与损坏, 以及冷冻处理需要在摄氏负80度至负110度之间, 为时一个小时。(LMY)

沈志勤：不影響本地榴槿價格

农业及农基工业部副部长沈志勤保证, 整粒带壳榴槿在获准出口到中国后, 并不会影响本地榴槿的价格与供应。

他说, 该部的记录显示, 国内现有7万2464公顷的榴槿种植园地, 而这67个与农业部注册有意出口榴槿的园地只占其中的464公顷。

在国会走廊召开的记者会上说, 随著近年有很多人投入榴槿种植领域、将农

作物改为种植榴槿、将种植甘榜榴槿改为种植高端品种榴槿等, 未来预料会有更多榴槿在市场上流通。

"出口榴槿至中国不会导致大马榴槿价格变贵, 我相信会维持在一个相当稳定的价格。"

他说, 农业部接下来将与旅游部合作, 以榴槿吸引力招揽游客前来我国, 进而全面带动国家的经济。(LMY)

Headline	Sim : China officer will inspect local product before fresh durian exporting to China		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	04 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	9	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	184 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,295



沈志勤：帶殼榴槿銷神州 需待中派員來馬檢測

（吉隆坡3日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤表示，目前第一批注册准备出口冷冻带壳榴槿到中国的有67家榴槿供应商及5家冷冻处理厂；但有关业者仍需经由中国海关总署于4月21至27日期间派员到我国进行检测，过关后才会获得批准出口。

他在下议院口头问答环节回应甲洞区国会议员林立迎的相关提问时说，根据我国与中国达成的协议，冷冻带壳榴槿出口到中国必须符合5个条件，分别是榴槿园及冷冻处理公司都必须向大马农业部注册，冷冻设施业者需要获得卫生部发出的良好生产规范（GMP）认证、榴槿园需拥有良好农业作业及综合除虫管理认证、榴槿园必须设网避免榴槿收成时掉落地面触碰泥土及损坏，以及冷冻处理需要在摄氏-80度至-110度之间，为时1个小时。



沈志勤：中国海关总署将于4月21至27日期间派员到我国进行检测。

若獲准帶殼出口中國 不會令本地榴槿變貴

农业及农基工业部副部长沈志勤大派定心丸表示，人民不需要担心一旦整粒带壳榴槿获准出口到中国后，会影响本地榴槿的价格及供应。

他在国会走廊召开新闻发布会时说，据该部的记录，目前我国种植榴槿的园地有7万2464公顷，而这67个与农业部注册有意出口榴槿的园地只占其中的464公顷。

他补充，近年有很更多人

投入榴槿种植领域，将农作物改为种植榴槿，将种植甘榜榴槿改为种植高端品种榴槿等，因此预测未来会有更多榴槿在市场上流通。

“出口榴槿至中国不会导致大马榴槿价格变贵，我相信会维持在一个相当稳定的价格，接下来农业部和旅游部也会合作，以榴槿吸引力游客前来我国，进而全面带动大马的经济。”

Headline	67 durian orchards registered for visit by GACC		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	8	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	65 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 181
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 544



67 durian orchards registered for visit by GACC

KUALA LUMPUR: A total of 67 durian orchards have registered with the Agriculture Department for visit by the General Administration of Customs of The People's Republic of China (GACC) before they can be given the approval to export frozen durian to China, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin said GACC would visit the orchards and check on their facilities in May.

"If all conditions are complied with and approved by GACC, only then the process of exporting frozen durians to China can be done," he said in response to a question from Lim Lip Eng (PH-Kepong) on the status of the export of frozen durian from Malaysia to China.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2019	THE EDGE MARKET	ONLINE	

MACC remands Salahuddin's political secretary for four days



PUTRAJAYA: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has obtained a four-day remand against a political secretary of Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub for allegedly accepting a bribe in the form of a luxury watch worth about RM28,000.

The remand order, which started yesterday, was issued by Magistrate Ahmad Asyraf Mohammad Kamal in the Magistrate's Court here.

The 47-year-old man arrived at the Magistrate's Court here at 9.10am, uncuffed and clad in an MACC lock-up T-shirt.

He refused to cover himself even when one of the MACC officers offered him a suit jacket.

It was understood that the suspect was taken into custody at 5pm on Monday, after he came to give his statement at the MACC headquarters.

According to sources, the man was believed to have accepted the luxury watch as an inducement to enable a project developer to be awarded projects under the ministry's purview.

The case is being investigated under Section 16(a)(A) of the MACC Act 2009.

Salahuddin issued a statement on Monday stressing that he will not interfere in the investigation of his political secretary by the MACC.

The minister said he holds fast to the principle of the rule of law.

Ahmad Rabul Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Musim sotong yang bermula pertengahan Mac lalu dan dijangka berterusan hingga Ogos depan bakal memberi pulangan lumayan kepada nelayan di negeri ini.

Selain berpeluang menambah pendapatan hasil menjual sotong segar dengan harga RM25 hingga RM28 sekilogram, nelayan di negeri ini turut berpeluang menyediakan perkhidmatan menyewa bot kepada orang ramai yang ingin menjalankan aktiviti mencandat sotong.

Nelayan, Abdillah Abd Rashid, 55, berkata, dia yang mula mencandat sotong sejak pertengahan Mac lalu mampu memperoleh 20 hingga 35 kilogram semalaman.

"Sekarang sotong semakin bertambah dan aktiviti ini dijangka semakin rancak bermula Mei hingga Ogos dengan hasil tangkapan boleh mencecah sehingga 200 kilogram semalaman," katanya di Kampung Bukit Tumbuh di sini, semalam.

Abdillah berkata, dia menjadi nelayan sejak 30 tahun lalu dan musim mencandat sotong peluang terbaik untuk menambah pendapatan.

"Selain mencandat dan menjual hasil tangkapan sotong, saya juga menyediakan perkhidmatan menyewa bot kepada orang ramai.

"Seramai lapan penyewa bot terdiri daripada individu dan agensi menggunakan

Ketagih rentapan sotong

■ Musim mencandat beri pulangan lumayan kepada nelayan

perkhidmatan disediakan pada Mac lalu dan bulan ini saja 12 tempahan diterima untuk mencandat sotong di perairan Kuala Nerus hingga Kuala Terengganu.

"Kami menantikan musim ini bagi menambah pendapatan sebelum menghadapi musim tengkujuh memandangkan peminat aktiviti mencandat juga semakin bertambah berbanding 20 tahun lalu, sekali gus permintaan menyewa bot juga semakin meningkat," katanya yang mempunyai bot kelas A.

Katanya, harga sewaan bot bergantung kepada saiz bot serta pemilik bot dan biasanya harga sewaan untuk



PEMINAT aktiviti mencandat menunjukkan sotong yang diperoleh ketika menyewa bot kepunyaan Abdillah.

semalam bagi bot kelas A adalah RM1,000.

"Saya biasa ke laut untuk mencandat bermula jam 5 petang dan pulang semula ke jeti pada jam 10 pagi kesesakan harinya.

"Rata-rata pelanggan yang menyewa bot ingin memperoleh pengalaman dan keseronokan mencandat, malah kebanyakan daripadanya kali pertama mencuba aktiviti itu," katanya.

Bagi Ahmad Khairul Hafizi

Kamarudin, 24, pula, dia mengikuti aktiviti mencandat itu setiap tahun.

"Saya ketagih untuk melayan rentapan sotong ketika ia menarik mata candat dan sebab itu, saya tidak pernah melepaskan peluang melakukan aktiviti ini setiap kali tiba musimnya.

"Pengalaman paling seronok apabila mencandat di lubuk sotong kerana saya tidak menang tangan menarik sotong ke atas bot," katanya.

Bertemu pengusaha
ladang rock melon

Pertanian bandar peluang buat golongan muda

Oleh AHMAD FAIZAL GHANI AL-MEDANIEY

KUALA TERENGGANU: Pertanian dalam kawasan bandar sangat baik di samping memberikan pendapatan tambahan kepada golongan muda bukan sahaja berharap kepada kerja-kerja yang kita sedia maklum, tetapi ini adalah satu perkara dan inisiatif yang sangat baik yang patut dilakukan oleh golongan muda.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Buruk, Ustaz Muhammad Khalil Abdul Hadi berkata, ia satu dorongan kepada golongan muda untuk meneruskan usaha yang sangat baik ini.

"Alhamdulillah, hari ini saya dapat melawat satu kebun Terengganu Melon yang telah diusahakan oleh seorang usahawan muda dalam kawasan DUN Batu Buruk di Kampung Chendering" ujar beliau.

"Usaha ini saya difahamkan dimulakan beberapa tahun lepas dan ianya berterusan sehingga ke hari ini."

"Saya juga telah berjumpa dengan Exco Pertanian Dr Azman dan beliau sangat gembira dan akan datang melawat" jelasnya.

Akhirnya beliau memdoakan pengusahaan ini terus maju.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di kebun berkenaan selepas selesai Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Terengganu Keempat Belas tahun 2019 yang telah disempurnakan oleh KDYMM Al-Watbiq Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.



Mencuba rasa rock melon



Memetik buah Rock Melon

Thumbs up untuk usaha ini golongan muda